



29 Mac 2013
29 March 2013
P.U. (A) 118

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PERKHIDMATAN POS (KADAR
BAYARAN POS) (PINDAAN) 2013

*POSTAL SERVICES (POSTAGE RATES) (AMENDMENT)
RULES 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN POS 1991

KAEDAH-KAEDAH PERKHIDMATAN POS (KADAR BAYARAN POS) (PINDAAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 dan subseksyen 49(1) Akta Perkhidmatan Pos 1991 [*Akta 465*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan sebagai **Kaedah-Kaedah Perkhidmatan Pos (Kadar Bayaran Pos) (Pindaan) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 31 Mac 2013.

Pindaan kaedah 1

2. Kaedah-Kaedah Perkhidmatan Pos (Kadar Bayaran Pos) 2010 [*P.U. (A) 225/2010*], yang disebut sebagai “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dengan menggantikan subkaedah 1(3) dengan subkaedah yang berikut:

“ (3) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi semua pemegang lesen yang diberi kuasa untuk mengeluarkan setem pos bagi prapembayaran bayaran pos.”.

Pindaan kaedah 2

3. Kaedah 2 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “bungkusan” takrif yang berikut:

‘ “bungkusan antarabangsa” ertinya apa-apa bungkusan yang disalurkan ke destinasi asing melalui udara atau laut; ’

(b) dengan memasukkan selepas takrif “bungkusan antarabangsa” takrif yang berikut:

‘ “mel antarabangsa” ertinya apa-apa surat yang tidak termasuk paket kecil antarabangsa, dan tidak melebihi satu kilogram yang disalurkan ke destinasi asing melalui udara atau laut; ’

(c) dengan memasukkan selepas takrif “paket kecil” takrif yang berikut:

‘ “paket kecil antarabangsa” ertinya apa-apa paket kecil yang disalurkan ke destinasi asing melalui udara sahaja; ’ dan

(d) dengan memotong takrif “mel biasa” dan takrif “mel udara”.

Pindaan kaedah 4

4. Subkaedah 4(1) Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “terbitan berkala” perkataan “, paket kecil” di mana-mana terdapat dalam subkaedah ini.

Pindaan kaedah 5

5. Kaedah 5 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subkaedah 5(1) dengan subkaedah yang berikut:

“(1) Maka hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas apa-apa mel antarabangsa, kadar bayaran pos sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.”;

(b) dengan menggantikan subkaedah 5(2) dengan subkaedah yang berikut:

“(2) Maka hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas apa-apa bungkusan antarabangsa, kadar bayaran pos sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subkaedah 5(2) subkaedah yang berikut:

“(3) Maka hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas apa-apa paket kecil antarabangsa, kadar bayaran pos sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.”.

Pindaan kaedah 6

6. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan kaedah 6 dengan kaedah yang berikut:

“Barang pos bagi orang buta

6. Maka hendaklah dikenakan dan dibayar ke atas apa-apa barang pos bagi orang buta kadar bayaran pos sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.”.

Pindaan kaedah 7

7. Kaedah 7 Kaedah-Kaedah ibu dipinda—

(a) dalam subkaedah 7(3) dengan memotong perkataan “mel”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subkaedah 7(3) subkaedah yang berikut:

“ (4) Maka hendaklah dibayar caj perkhidmatan sebanyak tiga ringgit bagi penyaluran barang pos berdaftar ke destinasi asing.”.

Pindaan kaedah 9

8. Kaedah 9 Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “tiga puluh sen” dengan perkataan “enam puluh sen”.

Penggantian Jadual Ketiga

9. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan jadual yang berikut:

"JADUAL KETIGA

[Subkaedah 5(1)]

Kadar bayaran pos bagi mel antarabangsa

1. Mel antarabangsa melalui udara.

<i>Destinasi</i>	<i>Peringkat Berat</i>	<i>Kadar Bayaran Pos (RM)</i>
ZON 1		
Negara-negara ASEAN: Brunei Darussalam, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam	20 gm pertama	1.20
	Bagi tiap-tiap tambahan 10 gm	0.40
ZON 2		
Negara-negara di Asia Pasifik	20 gm pertama	1.40
	Bagi tiap-tiap tambahan 10 gm	0.60
ZON 3		
Negara-negara lain	20 gm pertama	2.00
	Bagi tiap-tiap tambahan 10 gm	0.80

2. Mel antarabangsa melalui laut.

<i>Destinasi</i>	<i>Peringkat Berat</i>	<i>Kadar Bayaran Pos (RM)</i>
ZON 1		
Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand dan Vietnam	50 gm pertama	1.80
	Bagi tiap-tiap tambahan 50 gm	1.40